



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Windy Kinduo & Saidatul Nornis Hj. Mahali (2023). Situasi penggunaan deiksis so dalam mesyuarat pengurusan. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 113–139. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.5>

SITUASI PENGGUNAAN DEIKSIS SO DALAM MESYUARAT PENGURUSAN

(The Use Deixis ‘So’ in Administration Meetings)

¹Windy Kinduo & ²Saidatul Nornis Hj. Mahali

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

¹Corresponding author: winddykinduoh2@yahoo.com

Received: 12/4/2022 Revised: 7/2/2023 Accepted: 1/4/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Peralihan kod merupakan satu fenomena melibatkan pengungkapan istilah daripada bahasa berbeza dengan bahasa yang sedang digunakan. Alih kod bukanlah perkara asing kerana keupayaan pengguna bahasa dalam menuturkan lebih daripada satu bahasa diyakini membuka ruang kepada penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam peristiwa bahasa. Meskipun alih kod memperlihatkan keupayaan penutur dalam berbahasa, namun tidak dinafikan ia sebenarnya mencerminkan penuturnya tidak menguasai sistem bahasa terutama kosa kata bahasa yang digunakan. Justeru, kajian ini bertujuan menghuraikan perihal peralihan kod dalam tuturan 49 guru di SMK Simpangan, Beluran, Sabah yang menumpu secara khusus kepada pengungkapan deiksis *so* sebagai item alih kod. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis teks. Data dikumpul dan dirakam melalui mesyuarat guru secara dalam talian. Data kemudiannya dianalisis secara teks secara satu persatu untuk mengesan kesemua item alih

kod *so* berteraskan teori deiksis oleh Huang (2015). Hasil analisis mendapati terdapat lima peranan deiksis *so*, yakni diguna untuk merumus, menyambung topik atau sebelumnya, penanda hubungan, mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu dan mengemukakan maklumat baharu. Beberapa faktor peralihan kod dikenal pasti, yakni pengaruh pendidikan bahasa yang diperoleh sejak awal usia, amalan peminjaman kata melibatkan pertimbangan terhadap perihal tertentu dan pertembungan dua bahasa. Oleh yang demikian, hasil analisis penggunaan penanda wacana *so* dalam tuturan para guru di sekolah berkenaan membuktikan bahawa bahasa memiliki sifat ‘hidup’, maka tentulah suatu bahasa itu tidak terlepas daripada perkembangan dan sebaran peristilahan daripada suatu bahasa lain. Penggunaan penanda wacana itu telah sebatu sebagai sebahagian daripada penanda komunikasi lisan penutur bahasa di Sabah yang menyebabkan ia sukar dihilangkan daripada proses komunikasi.

Kata kunci: Deiksis, peralihan kod, percampuran kod, penanda wacana, Dialek Melayu Sabah.

ABSTRACT

Code switching is a language phenomenon involving the expression from a different language to another language. Code-switching is not strange because the ability of language users to speak more than one language is believed to expanse more than one language in language events. Although code switching shows the speaker's ability but there is no denying that is actually reflects the speaker does not competence. Thus, this paper aims to describe code switching of 49 teachers at SMK Simpangan, Beluran, Sabah which focuses on the deixis so as the item. This paper using the qualitative approach through text analysis. Data is collected and recorded through online teacher meetings. The data is then analyzed textually one by one to identify all the coded as 'so' items based on the theory of deixis by Huang (2015). The results found that there are five roles of deixis so namely, to connect the topic or before topic, as a marker of the sequences, to provide a description on previous statements and to provide new information. They are several factors of code switching were identified, namely the influence of language education acquired over generations, the practice of loan words involving consideration of certain aspects and the clash of two languages. Therefore, the analysis of the discourse

marker so in speeches prove that language has a 'living' nature and indeed language cannot be separated from the language progress. Undeniably the use of discourse markers has become part of the oral communication and it is hard to remove the marker from the language speakers.

Keywords: *Deixis, code switching, code mixing, discourse markers, Sabah Malay Dialect.*

PENGENALAN

Di Malaysia, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mewujudkan ideologi tentang multibahasa. Masyarakat yang multibahasa memperlihatkan keupayaan bertutur dan menulis lebih daripada satu bahasa (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2017). Oleh hal demikian, amalan alih kod dalam kalangan masyarakat tempatan sebenarnya bukanlah suatu fenomena asing pada hari ini. Secara logiknya, kepelbagaian sosiobudaya dalam kalangan masyarakat tempatan mencerminkan bahawa penutur Dialek Melayu Sabah (DMS) menerapkan pelbagai ungkapan asing dalam pertuturan mengikut keupayaan bahasa mereka. Maksudnya, setiap individu mempunyai kebiasaan tersendiri dalam hal pengungkapan kata asing sebagai kata pinjaman. Justeru, penelitian mengenai unsur alih kod dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini sebenarnya satu perihal yang menarik untuk dikaji.

Seperkara, kemampuan seseorang individu menuturkan lebih daripada satu bahasa sebenarnya telah membuka ruang kepada proses peralihan kod dalam pertuturan. Amalan tersebut semakin meluas dalam kalangan komuniti dwibahasa dan telah menjadi normalisasi dalam percakapan masyarakat pada masa kini. Secara umum, peralihan kod atau percampuran kod ialah interaksi yang melibatkan penutur mengujarkan ungkapan daripada bahasa lain semasa bertutur. Misalnya, individu yang sedang bertutur dalam bahasa Melayu mengujarkan satu atau lebih daripada satu ungkapan bahasa Inggeris dalam tuturannya. Dari sudut positif, percampuran kod ini sebenarnya memperlihatkan kebolehan penutur terbabit dalam berbahasa asing. Tidak dinafikan, penggunaan ungkapan asing adalah satu modus bahasa yang boleh dimanfaatkan untuk menyelesaikan kesukaran atau kekangan dalam hal menerangkan sesuatu perkara dalam bahasa natif dan BM

(Muthusamy, 2017). Dari sudut bertentangan, cukup jelas disadari dan diketahui bahawa percampuran kod pertuturan sebenarnya menunjukkan bahawa pengguna bahasa tidak memiliki keupayaan menuturkan bahasa terbabit dengan baik. Sekiranya penutur itu mempunyai pengetahuan kosa kata yang luas dan memiliki kepekaan berbahasa yang tinggi, sudah tentu alih kod dalam percakapan dapat dielakkan.

Pertembungan antara dua bahasa atau lebih dalam situasi bahasa sememangnya membawa kepada fenomena peralihan kod. Dalam konteks ini, dua bahasa itu bukan sahaja bertemu tetapi bahasa-bahasa itu juga saling mempengaruhi antara satu sama lain. Perihal dua bahasa saling mempengaruhi ini biasanya melibatkan bahasa yang lebih dominan sifatnya akan menunjukkan pengaruh yang lebih besar terhadap bahasa minoriti. Hal ini bermaksud fenomena tertentu akan mewujudkan kesan pengaruh sesuatu bahasa terhadap bahasa yang lain misalnya, proses peminjaman kata (Noriah Mohamed, 1998). Suatu sudut menarik untuk dirungkaikan, komuniti yang menuturkan suatu bahasa tidak semestinya menuturkan sepenuhnya bahasa itu dalam percakapan harian ekoran pengaruh perihal tertentu. Di Malaysia, fungsi bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa rasmi didapati tidak dituturkan mengikut tertib sepenuhnya oleh masyarakat tempatan walaupun dibesarkan dengan sekitaran penuturan bahasa Melayu (BM).

PERNYATAAN MASALAH

Malaysia adalah antara negara berdwibahasa dan membenarkan pembelajaran lebih daripada satu bahasa dalam sistem pendidikan. Selain sebagai bahasa komunikasi luas, bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan. Bahasa Melayu juga dipelajari oleh orang-orang Cina, India dan kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak. Bahasa Melayu juga merupakan subjek wajib dalam kurikulum sekolah di Malaysia, sama ada dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) atau Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pelaksanaannya seiring dengan polisi Dasar Bahasa Kebangsaan Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia serta Undang-Undang Parlimen-Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1). Selain wajib dipelajari, diketahui dan difahami bahasa Melayu juga merupakan bahasa kebangsaan. Bahasa-bahasa lain

seperti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman dan lain-lain turut diperkenalkan sebagai salah satu pilihan dalam pembelajaran bahasa dalam sistem pendidikan. Konteks sedemikian akan secara langsung menyebabkan para penutur bahasa di Malaysia berdwibahasa atau multibahasa, yang secara tidak langsung akan turut memaparkan fenomena peralihan kod dan percampuran kod dalam proses interaksi. Lihat antaranya kajian-kajian oleh Jariah Mohd Jan (2006); Kuang (2006); Ariffin dan Rafik-Galea (2009); Muthusamy (2009) telah mengesahkan telah berleluasanya peralihan kod dalam tuturan masyarakat di Malaysia yang membentuk gejala kebahasaan yang tidak dapat dihindari.

Di beberapa negara Asia seperti China, India, Pakistan termasuk Malaysia misalnya, penutur dwibahasa biasanya mempelajari bahasa Inggeris dan menggunakannya sebagai bahasa kedua, manakala bahasa pertama adalah bahasa ibunda mereka dan dialek di kawasan berkenaan (Song, 2019). Akibatnya, berlaku peralihan kod sebagai proses komunikasi yang menjadi kebiasaan pertuturan apabila bahasa Inggeris dan bahasa lain bercampur kod secara frasa. Dalam konteks Malaysia, peralihan kod adalah sangat berleluasa. Sebagai contoh, dalam perbualan berbahasa Melayu terdapat banyak perkataan Inggeris atau kod lain (Xiaofang, 2017). Umumnya, peralihan kod mempunyai peranan penting dalam komunikasi, terutama dalam kehidupan individu yang berdwibahasa atau multibahasa dan peralihan kod dalam tuturan kerap terjadi secara spontan. Hal ini menyokong pendapat beberapa pengkaji seperti Siti Hamin Stapa dan Nurul Nadiah Begum Sahabudin Khan (2016); Cahyani et al. (2018); Hazlina (2012); Paramasivam et al. (2020) yang menyatakan bahawa menguasai dua bahasa atau lebih akan menyebabkan penutur cenderung melakukan penukaran kod dan hal itu pasti berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kebanyakannya menguasainya sekurang-kurangnya dua bahasa (bilingual dan multilingual). Memandangkan sistem pendidikan dwibahasa dan corak komunikasi berbilang bahasa dalam masyarakat Malaysia, penutur sudah semestinya mengetahui lebih daripada satu bahasa. Oleh itu, peralihan kod cenderung berlaku agar komunikasi berhasil dalam kalangan penutur yang berbeza latar belakang sosial. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk meneliti bentuk peralihan kod dalam situasi rasmi seperti mesyuarat. Situasi rasmi yang dimaksudkan adalah dalam kalangan guru-guru di SMK Simpangan dalam daerah Beluran, Sabah yang secara khusus ditumpukan kepada peralihan kod semasa mesyuarat rasmi di sekolah berkenaan.

KAJIAN PERALIHAN KOD DI MALAYSIA

Pengkajian mengenai peralihan kod bukanlah perkara baru di Malaysia. Banyak kajian mengenai fenomena bahasa alih kod telah dilaksanakan oleh para sarjana tempatan. Sekadar mengambil beberapa contoh kajian yang dilakukan oleh Farah Syuhada Roslan et al. (2023) yang memfokuskan kepada keberkesanan tuturan pertukaran kod dan persepsi para guru yang melakukannya. Kajian difokuskan kepada kelas bahasa Inggeris dan dilakukan peralihan kod di dalam kelas tersebut yang hasilnya menunjukkan bahawa proses peralihan kod dalam kelas bahasa Inggeris berupaya meningkatkan penglibatan dan minat pelajar untuk mempelajari subjek berkenaan. Kajian mengenai peralihan kod turut dibuat dalam konteks bahan-bahan dalam talian seperti dalam ruang-ruang media sosial sepertimana kajian oleh Fuzirah Hashim & Ahmad Aminuddin Soopar (2022). Mereka secara khusus meneliti elemen linguistik bahasa komunikasi secara dalam talian dalam konteks akademik di *Facebook*. Hasilnya, didapati penggunaan bahasa adalah bercampur baur, yakni wujud fenomena percampuran kod, penukaran kod dan peminjaman kata-kata tertentu daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua dan sebaliknya.

Peralihan kod juga menarik minat Noraisah Masri dan Ernawita Atan (2022) yang meneliti ragam alih kod komuniti Melayu bilingual khusus menerusi aplikasi *WhatsApp*. Ruangan aplikasi ini didapati menggunakan percampuran kod bahasa Melayu-bahasa Inggeris (BI). Misalnya, ayat “*pagi tadi you telan banyak ubat ke*” dan “*kita 5 Mei, second dose*”. Peralihan kod dalam interaksi tidak terhad kepada satu perkataan sahaja, tetapi adakalanya hadir dalam bentuk frasa misalnya *second dose*. Turut dikenal pasti, peralihan kod adalah untuk merealisasikan beberapa peranan komunikatif, yakni fungsi rujukan, pengulangan kata, sosialisasi, pendedahan bahasa asing dan sikap terhadap status. Meskipun ungkapan BI dianggap sebagai unsur asing dalam interaksi komuniti Melayu bilingual, peralihan kod sebenarnya mencerminkan peringkat keupayaan yang tinggi dalam hal berbahasa asing. Kajian oleh Nur Iylia Mohd Noor Be et al. (2022) pula telah menganalisis interaksi antara pelanggan dengan Barista Starbucks yang memaparkan penggunaan bahasa Melayu sebagai pilihan berbahasa namun bahasa Inggeris kekal diakomodasi sebagai pilihan interaksi antara etnik. Bermaksud, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diguna secara silih ganti dalam perkhidmatan berkenaan.

Norhuda Salleh et al. (2022) pula melaksanakan kajian di Sarawak dengan fokus kepada tingkah laku komunikasi dengan mengenal pasti proses peralihan kod dan punca-punca yang menyumbang kepada fenomena tersebut. Dirumuskan bahawa peralihan kod semasa berinteraksi merupakan strategi pengurangan jarak sosial dan ia adalah fenomena penyesuaian berbahasa untuk mewujudkan akomodasi konvergen dalam kalangan penutur bahasa di Sarawak. Dari sudut lain, bidang perundangan sedia diketahui sebagai salah bidang yang didominasi oleh penggunaan bahasa Inggeris. Fenomena itu menarik perhatian Rasyiqah Batrisya Md Zolkapli et al. (2022) untuk menggali penggunaan peralihan kod dan percampuran kod semasa penulisan alasan penghakiman dalam sistem kehakiman Malaysia. Dapatan menunjukkan penggunaan meluas peralihan kod antara ayat dalam bentuk sisipan, selang-seli, dan leksikalisasi. Hal itu didorong oleh ketiadaan istilah undang-undang khusus dalam bahasa kebangsaan, kekurangan kompetensi pendaftaran dalam kalangan penulis serta fungsi istilah undang-undang untuk memenuhi konteks pragmatik teks, menekankan sesuatu perkara atau menyerlahkan kepentingan semantik teks, istilah, dan mencerminkan identiti penulis. Hasil kajian itu menunjukkan korpus linguistik sangat terhad mengenai istilah undang-undang dalam bahasa kebangsaan.

Pemakaian bahasa secara alih kod dalam percakapan juga diamalkan oleh penutur disebabkan fungsi komunikatif tertentu. Misalnya, kajian Mimi Suhana Hakim et al. (2021) membuktikan bahawa peniaga dalam talian menerusi platform Instagram didapati biasa melakukan peralihan kod untuk merealisasikan salah satu fungsi komunikatif, yakni fungsi arahan dan sikap. Fungsi komunikatif jenis ini meliputi perihal sikap pengguna bahasa terhadap taraf atau prestij, tahap pendidikan, asal-usul dan tempat tinggal. Ungkapan *BI so, next* dan *swipe up* merupakan antara contoh kata yang digunakan dan jelas memperlihatkan wujudnya proses alih kod dalam iklan peniaga terbabit. Pengiktirafan masyarakat terhadap BI sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa berstatus tinggi telah mendorong kepada amalan alih kod dalam interaksi pelbagai hala sebagaimana tuturan-tuturan peniaga dalam talian. Perlu disedari, proses alih kod ini seharusnya diminimalkan dalam setiap pertuturan kerana ia merupakan fenomena berbahasa yang akhirnya menyetepikan status BM sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia.

Mohammad Fadzeli Jaafar dan Norsimah Mat Awal (2020) pula meneroka keupayaan berbahasa kaum Cina dan India khusus

dalam sebutan dan tuturan. Mereka merumuskan bahawa kedua-dua kaum mencatatkan kebolehan sebutan /r/ melebihi 70%, iaitu di awal, tengah dan akhir suku kata. Dalam aspek tuturan pula dikesan bentuk percampuran kod yang tipikal (Melayu-Inggeris). Bahasa Melayu didapati merupakan bahasa yang dominan dalam pertuturan bukan Melayu, sementara bahasa Inggeris dan partikel bahasa Cina adalah bahasa yang disisipkan. Secara umum, kajian ini telah berhasil memperlihatkan kecekapan berbahasa kaum bukan Melayu dipengaruhi oleh kelas sosial dan keformalan. Maksudnya, golongan yang bekerja dapat menghasilkan sebutan yang lebih baik berbanding subjek pelajar sekolah sebagaimana yang telah dilakukan oleh kajian lepas. Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, maka dapatlah disimpulkan bahawa peralihan kod dalam pertuturan merupakan fenomena bahasa yang biasa di Malaysia. Meskipun demikian didapati kajian sebelumnya tidak meneliti peralihan kod dalam konteks pertuturan rasmi. Oleh kerana itu, tulisan ini mengetengahkan konteks berkenaan sebagai satu dimensi kebahasaan yang turut perlu diteliti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kualitatif. Pengumpulan data kajian dilakukan secara kajian lapangan dalam lima sesi mesyuarat guru di sebuah sekolah pedalaman di Beluran, Sabah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Simpangan (SMKS). Sampel kajian ini terdiri daripada 49 orang guru SMKs. Lima sesi mesyuarat guru telah dirakam dalam bentuk rakaman audio dan rakaman video. Lima mesyuarat terbabit telah dilangsungkan pada tarikh 27 Januari 2022, 23 Mac 2022, 8 April 2022, 13 April 2022 dan 18 April 2022. Tempoh mesyuarat terbabit adalah satu jam hingga tiga jam. Konteks mesyuarat dipilih untuk memperlihat ragam peralihan kod dalam mesyuarat dengan menumpu kepada item kata terpilih. Tambahan pula, Asmah Hj. Omar (2004) menyatakan bahawa hampir tidak ada sumber panduan apabila ingin merujuk penggunaan bahasa dalam pengurusan. Maka penelitian ini diyakini memberi manfaat sebagai sumber rujukan berbahasa dalam konteks pengurusan sesuatu organisasi.

Kutipan data kajian menerusi rakaman mesyuarat itu dilakukan dengan pematuhan etika penyelidikan lapangan yang dibahas oleh Asmah Hj. Omar (2015) yang menyatakan bahawa kutipan data dalam

kajian lapangan perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan. Justeru, permohonan kebenaran pelaksanaan kajian telah diajukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan diluluskan sebagaimana yang tertera dalam surat kelulusan bernombor KPM.600-3/2/3-eras(13139). Dengan menggunakan perisian AntConc, usaha meneliti kekerapan penggunaan penanda wacana *so* dan mengenal pasti ayat yang mengandungi ungkapan ini telah dapat dipermudah kerana proses janaannya adalah secara langsung dan tepat. Terdapat 26137 jumlah patah perkataan dalam lima transkripsi mesyuarat yang dikaji. Meskipun demikian, hanya penanda wacana *so* sahaja yang ditumpukan dalam tulisan ini. Jadual 1 berikut memaparkan data kekerapan penggunaan *so* dalam lima sesi mesyuarat berkenaan.

Jadual 1

Kekerapan Penggunaan Deiksis So dalam Lima Teks Mesyuarat Guru di SMKS

Jenis Deiksis	Item Deiksis	Sesi Mesyuarat	Kekerapan
Deiksis Wacana	so	27 Januari 2022	7
		23 Mac 2022	6
		8 April 2022	5
		13 April 2022	9
		18 April 2022	6
Jumlah			33

Jadual 1 menunjukkan terdapat 33 kekerapan penggunaan *so* dalam lima sesi mesyuarat guru di SMKS. Mesyuarat guru yang diadakan pada 13 April 2022 adalah nilai yang tertinggi iaitu sebanyak 9 kekerapan diikuti dengan mesyuarat yang diadakan pada 27 Januari 2022 iaitu sebanyak 7 kekerapan. Sementara itu, mesyuarat pada 23 Mac 2022 dan 18 April 2022 memiliki jumlah yang sama iaitu sebanyak 6 kekerapan. Data penggunaan deiksis *so* dalam mesyuarat yang dilangsungkan pada 8 April 2022 adalah nilai yang terendah iaitu sebanyak 5 kekerapan. Meskipun terdapat 33 kekerapan penggunaan item *so* secara keseluruhan, namun untuk perincian konteks penggunaan *so*, tulisan ini hanya memilih dan menumpu beberapa tuturan sahaja untuk memerihalkan penggunaan deiksis tersebut. Pendekatan deskriptif direalisasikan dengan memerihalkan peranan dan konteks penggunaan deiksis *so* dalam tuturan terbabit berteraskan teori deiksis wacana Huang (2015). Menurut Huang (2015) deiksis wacana merangkumi ungkapan penanda wacana yang berperanan

untuk ‘menanda’ bahagian ujaran bagi menunjukkan ujaran ‘semasa’, ‘sebelumnya’ dan ‘selepasnya’. Ilmu-ilmu linguistik berkaitan juga turut diterapkan dalam analisis data misalnya pegangan Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) dan Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2020) berkenaan binaan pertautan dalam ujaran menerusi penggunaan penanda wacana. Teori berkenaan faktor peralihan kod menurut Noriah Mohamed (1998) juga turut diterapkan dalam hal perbincangan faktor peralihan kod dalam pertuturan. Perincian mengenai analisis kajian dikemukakan dalam subtopik berikutnya.

DAPATAN KAJIAN

Penyampaian ujaran yang berkesan sememangnya memerlukan pengungkapan penanda wacana yang sesuai untuk memerihalkan perkara yang ingin disampaikan. Pengungkapan *so* memainkan peranan dalam menandakan hubungan antara hal-hal yang sedang diperkatakan. Hasilnya, tidak berlaku pemutusan rangkaian konteks, kerana peralihan perbicaraan dari satu ayat ke ayat berikutnya dapat dilangsungkan dan diteruskan tanpa ralat dari segi kesinambungan. Hal ini diperkukuh dengan pernyataan Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) yang menyatakan penanda wacana merupakan unsur linguistik yang diguna dalam tulisan atau interaksi untuk membentuk sifat koheren dalam wacana.

Kajian lapangan dalam lima sesi mesyuarat guru SMKS mendapati bahawa deiksis *so* berperanan penting dalam membantu penutur untuk menyampaikan ujaran yang berkesan kepada pihak lawan bicara. Hasil tinjauan terhadap lima sesi mesyuarat guru SMKS, didapati para penutur sememangnya tidak akan terlepas daripada mengungkap penanda wacana dalam interaksi dan hal ini dibuktikan dengan kehadiran penanda wacana *so* dalam pertuturan mereka. Keperluan deiksis *so* dalam pertuturan tidak dapat dinafikan kerana peranannya penting untuk menjayakan makna ujaran yang disampaikan sebagaimana peranan deiksis yang diperincikan oleh Huang (2015) bahawa deiksis wacana diungkap sebagai penanda ujaran semasa, sebelum dan selepas tentang perihal yang diperkatakan.

Meskipun deiksis *so* adalah kata BI namun ia diguna oleh segelintir guru SMKS dalam percakapan mereka sebagai unsur penyatu atau penyambung maklumat dalam tuturan. Keupayaan penutur menggunakan BI didapati membuka ruang kepada penggunaan

istilah-istilah BI yang telah menjadi kebiasaan dalam percakapan penutur BM. Tambahan pula di Sabah, komunitinya tidak hanya berupaya menuturkan bahasa ibunda dan BM sahaja tetapi mampu menggunakan BI yang dianggap oleh umum sebagai bahasa yang berprestij dan bahasa perantara di peringkat antarabangsa. Ulasan ini tidak bertujuan untuk menanggapi bahawa komuniti tempatan Sabah boleh menggunakan BI dengan baik, tetapi ingin mengutarakan bahawa komuniti tertentu terutama mereka yang telah mendapat pendidikan formal seawal prasekolah dan sekolah rendah telah terdedah serba sedikit dengan kosa kata BI. Maka, pengungkapan istilah-istilah BI dalam percakapan yang berlaku secara terancang mahupun tanpa sedar bukanlah satu perkara yang menghairankan dalam kalangan komuniti yang boleh menuturkan lebih daripada satu bahasa.

Setiap bahasa sememangnya memiliki penanda wacananya tersendiri. Demikian halnya dalam konteks percakapan sampel kajian iaitu guru-guru SMKS yang menuturkan BM yang ternyata selain menggunakan penanda wacana BM, didapati segelintir daripada mereka adakalanya menggunakan penanda wacana BI *so* tanpa sedar ketika bertutur. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa terdapat unsur peralihan kod melibatkan pengungkapan penanda wacana itu. Secara konseptual, kata *so* merujuk kepada kata ‘oleh itu’ atau ‘jadi’ dalam BM. Kata ‘jadi’ diguna sebagai penanda yang bermaksud ‘kerananya’ dan ‘kerana itu’ (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Dari segi penggunaan, penanda wacana ‘oleh itu’ atau ‘jadi’ sebenarnya seerti dan menjalankan peranan nahu yang sama dengan beberapa penanda wacana yang lain yakni ‘justeru itu’ dan ‘maka’.

Deiksis *So* dalam Mesyuarat Guru di SMKS

Penggunaan penanda wacana yang tepat penting untuk membina pertautan dalam tuturan penutur. Penanda wacana *so* daripada BI adalah antara ungkapan penanda yang kerap diguna oleh penutur BM. Penutur BM gemar menggunakan kohesi *so* sebagai penanda wacana untuk menghubungkan antara satu pernyataan dengan pernyataan lain. Konteks sedemikian memaparkan penggunaan alih kod dalam komunikasi. Walhal, penanda *so* itu masih boleh diganti dengan kohesi lain dalam BM misalnya ‘maka’, ‘oleh itu’, ‘jadi’ dan sebagainya. Memandangkan penanda wacana itu didapati banyak diguna dalam korpus mesyuarat berkenaan maka penggunaannya dapat dirumuskan untuk tujuan-tujuan tertentu.

Secara umum, terdapat beberapa peranan penanda wacana *so* iaitu (i) merumus, (ii) menyambung topik atau isu sebelumnya, (iii) penanda urutan atau hubungan, (iv) mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu, dan (v) mengemukakan maklumat baharu. Jadual 2 menunjukkan data kekerapan penggunaan *so* berdasarkan jenis peranan dalam lima mesyuarat guru yang diteliti.

Jadual 2

Kekerapan Penggunaan Deiksis So Mengikut Jenis Peranan dalam Lima Teks Mesyuarat Guru di SMK Simpangan

Item Deiksis	Jenis Peranan	Kekerapan
<i>so</i>	Penanda rumusan	9
	Penyambung topik terdahulu	10
	Penanda urutan	5
	Mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu	6
	Mengemukakan maklumat baharu	3
Jumlah		33

Berdasarkan Jadual 2, penggunaan deiksis wacana *so* sebagai penanda rumusan adalah sebanyak 9 kekerapan. Manakala, kekerapan penggunaannya untuk menjadi kata penyambung topik terdahulu adalah sebanyak 10. Peranan *so* sebagai penanda urutan dan mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu pula masing-masing dengan jumlah kekerapan yang hampir setara iaitu sebanyak 5 dan 6. Sementara itu, tinjauan yang dilakukan bagi fungsi *so* sebagai pemula maklumat baharu pula adalah sebanyak 3 kekerapan. Diskusi bagi setiap peranan penanda wacana berkenaan dapat diteliti sepertimana perbincangan berikut.

Deiksis So untuk Merumus

Jadual 3

Konteks So sebagai Penanda Rumusan

DMS	BM
<i>So</i> , boleh mula untuk buat PBD bermula sekarang. <i>Last</i> bagi dengan saya hujung bulan Mei.	<i>Oleh itu</i> , boleh mula melaksanakan PBD bermula sekarang. Pelaporan akhir kepada saya adalah pada hujung bulan Mei.

Berdasarkan Jadual 3, penanda wacana *so* diguna sebagai pemula dalam ayat “*So, boleh mula untuk buat PBD bermula sekarang. Last bagi dengan saya hujung bulan Mei.*”. Makna konteks ayat itu ialah guru-guru diminta untuk memulakan proses Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan segera dan laporan PBD perlu dihantar sebelum bulan Mei berakhir. Ayat tersebut merupakan ayat rumusan penutur terhadap suatu isu yang telah diperkatakan dalam situasi bahasa itu, yakni isu mengenai pelaksanaan dan pelaporan PBD di sekolah itu. Deiksis *so* diguna untuk mewakili kata ‘oleh itu’ dalam BM untuk menjadi penanda dan penunjuk bahawa penutur ingin merumuskan isu atau perkara yang telah dibincangkan itu. Seperkara yang terlihat dalam tuturan itu, proses alih kod turut berlaku melibatkan satu kata dalam ayat berikutnya, yakni kata *last* dalam ayat “*Last bagi dengan saya hujung bulan Mei.*”. Walaupun tuturan penutur mengandungi peralihan kod itu, namun ia tidak memberi kesan atau gangguan dalam hal penyampaian makna. Hal itu juga tidak menjejaskan unsur pertautan ayat itu dengan ayat terdahulu.

Peranan *so* sebagai penanda rumusan dalam tuturan itu bukan sahaja diperkuat dengan makna keseluruhan konteks, tetapi turut didukung oleh jenis ayat yang diujarkan. Kedua-dua ayat terbabit merupakan ayat perintah yang tentulah mengkehendaki peserta bahasa yang lain untuk melakukan suatu tindakan susulan usai situasi bahasa itu. Sememangnya menjadi kebiasaan pengguna bahasa bahawa apabila mengutarakan rumusan, maka diungkap penanda wacana bersesuaian seperti *so* agar dapat mendukung tuntasan yang jelas difahami dan berpenegas. Tambahan itu, frasa kerja “*boleh mula untuk buat PBD...*” pada bahagian selepas penanda wacana *so* juga adalah unsur yang memperkukuh peranan ‘*so*’ sebagai kata penyimpul dalam merumuskan perkara yang telah diperkatakan dalam mesyuarat itu.

Deiksis *So* untuk Menyambung Topik Terdahulu

Jadual 4

Konteks *So* sebagai Penyambung Topik Terdahulu

DMS	BM
Kita yang muslim membayar zakat bukan sahaja sebagai ibadah tapi juga untuk pengembalian cukai tu. <i>So</i> , daripada kamu bayar cukai, <i>itu</i> , daripada kamu membayar bagus lagi kamu bayar zakat. <i>So</i> , kalau ada guru yang bermasalah untuk bahagian pengiraan zakat tu, saya boleh tolong kirakan dan sebagainya.	Kita yang muslim membayar zakat bukan hanya sebagai ibadah tetapi untuk mengembalikan cukai. Oleh <i>itu</i> , sekiranya terdapat guru yang bermasalah dalam hal pengiraan zakat, saya boleh tolong untuk kira dan sebagainya.

Berdasarkan Jadual 4, makna konteks yang disampaikan ialah zakat yang dibayar oleh guru muslim bukan hanya sebagai satu ibadah, tetapi juga sebagai pengembalian cukai. Justeru itu, guru muslim lebih digalakkan membayar zakat di samping membayar cukai. Sekiranya terdapat guru yang berhadapan dengan kesukaran atau halangan dalam hal pengiraan zakat, maka boleh diaju untuk dibantu dalam hal pengiraan zakat dan perihal berkaitan. Dalam ujaran yang diutarakan itu, pengungkapan deiksis *so* yang pertama dikenal pasti dalam ayat kedua, yakni pada frasa “*So, daripada kamu bayar cukai, bagus lagi kamu bayar zakat*”. Ayat itu adalah satu ayat perintah mengandungi unsur suruhan yang memberi saran kepada guru muslim untuk memilih zakat selain cukai. Kehadiran deiksis *so* dalam ayat itu menonjolkan peranannya sebagai kata menandakan bahawa isu yang diperkatakan dalam ayat terdahulu mempunyai kesinambungannya dalam ayat itu. Dalam ayat sebelumnya yakni “*Kita yang muslim membayar zakat bukan sahaja sebagai ibadah tapi juga untuk pengembalian cukai tu*”, ayat itu jelas memperkatakan tentang zakat dan cukai. Isu itu dilanjutkan dalam ayat berikutnya yang dimulai dengan penanda *so* sebagai unsur pertautan antara dua ayat tersebut.

Peralihan kod deiksis ‘oleh itu’ kepada *so* turut dapat diperhatikan dalam ayat ketiga yakni “*So, kalau ada guru yang bermasalah untuk bahagian pengiraan zakat tu, saya boleh tolong kirakan dan sebagainya.*”. Penanda wacana *so* dalam ayat itu masih menjalankan

peranannya sebagai penyambung topik atau isu yang telah diperkatakan dalam ayat terdahulu. Buktinya, isu yang diperkatakan dalam ayat itu masih merungkai perihal zakat dan cukai sebagaimana maklumat dikemukakan dalam ayat terdahulu. Pertautan daripada satu ayat ke satu ayat itu seiring dengan pernyataan Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) yang menyatakan bahawa penggunaan penanda wacana yang tepat penting untuk membina kesinambungan antara ayat dalam pertuturan. Dapatan sedemikian turut diperoleh oleh Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2020) yakni penggunaan penanda wacana harus ditekankan oleh penutur atau penulis dalam menjayakan penyampaian makna wacana yang teratur.

Deiksis *So* untuk Menanda Urutan atau Hubungan

Jadual 5

Konteks So sebagai Penanda Urutan atau Hubungan

DMS	BM
Jadi , buku teks ni kita akan buat secara pemulangan dahulu, baru kita akan buat serahan. So , cadangan tarikh untuk pemulangan buku teks, kita akan buat lapan dan sembilan hari bulan.	Oleh itu , berkenaan buku teks kita akan menjalankan sesi pemulangan dahulu. Kemudian sesi penyerahan dilakukan. Oleh itu , cadangan tarikh pemulangan buku teks adalah pada lapan atau sembilan hari bulan.

Peralihan kod dalam percakapan sememangnya satu fenomena yang sukar dielakkan oleh komuniti dwibahasa. Hal ini dikatakan berlaku tanpa sedar ketika interaksi berlangsung. Dalam Jadual 5, ayat pertama dimulai dengan penanda wacana ‘oleh itu’ yang berperanan sebagai penanda urutan atau hubungan dengan perihal yang menjadi isu utama perbualan. Demikian hal dengan ayat berikutnya yang memaparkan alih kod ‘oleh itu’ kepada penanda wacana *so* yang tentulah diguna untuk menjadi penanda bahawa ayat itu merupakan lanjutan atau turutan daripada ayat sebelumnya.

Penandaan unsur tautan penyampaian dengan deiksis *so* berperanan untuk mempertonjol struktur naratif bagi memaparkan isi atau intipati penting terutama percakapan yang bertujuan menjelaskan suatu prosedur. Hal ini dapat diperhatikan dalam data ujaran Jadual 5 yang jelas berkontekskan perihal prosedur pemulangan dan

penyerahan buku teks pelajar SMKS. Dalam aktiviti atau urusan itu, tentulah terdapat prosedur atau tatacara yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan SMKS agar sesi pemulangan dan penyerahan buku teks setiap tingkatan berjalan lancar.

Ayat pertama ditunjukkan yakni “*Jadi, buku teks ni kita akan buat secara pemulangan dahulu, baru kita akan buat serahan.*” membawa makna konteks bahawa sekolah akan mengadakan aktiviti pemulangan buku teks sebelum buku teks yang baharu diserahkan kepada pelajar. Selanjutnya, ayat kedua “*So, cadangan tarikh untuk pemulangan buku teks, kita akan buat lapan dan sembilan hari bulan.*” Jelas dimulai dengan penanda wacana *so* sebagai unsur penanda turutan naratif atau maklumat wacana yang masih membahas prosedur perihal pemulangan dan penyerahan buku teks. Dalam ayat kedua itu, perihal prosedur pemulangan dan penyerahan buku teks diulas lebih terperinci dengan menyatakan tarikh pelaksanaannya, yakni pada lapan dan sembilan hari bulan. Unsur turutan maklumat itu seiring dengan peranan *so* yang dijelaskan oleh Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2020) bahawa ungkapan *so* diguna untuk memulakan ujaran untuk tujuan memberi penerangan susulan terhadap maklumat telah diperkatakan.

Deiksis *So* untuk Mengemukakan Huraian untuk Menjelaskan Pernyataan Terdahulu

Jadual 6

Konteks So sebagai Penanda Huraian Pernyataan Terdahulu

DMS	BM
Seperkara tentang zakat, makin ramai guru yang membayar zakat di sini makin banyak pelajar yang boleh kita bantu. Macam tahun lepas, kita sudah dapat 10000 ringgit untuk pelajar. So , kalau kamu bayar zakat sekarang kamu juga membantu pelajar. So , sama-sama la kita buat kebaikan.	Seperkara tentang zakat, semakin ramai guru yang membayar zakat di sini, maka semakin banyak pelajar yang dapat kita bantu. Tahun lepas, kita memperoleh 10000 ringgit untuk membantu pelajar. Oleh itu , sekiranya kamu membayar zakat sekarang, kamu juga membantu pelajar. Oleh itu , bersama-sama kita melakukan kebaikan.

Berdasarkan Jadual 6, penutur mengujarkan ayat berantai yang terdiri daripada empat ayat dengan makna konteks yang bersinambung antara satu dengan yang lain. Dalam ayat pertama, yakni “*Seperkara tentang zakat, makin ramai guru yang membayar zakat di sini makin banyak pelajar yang boleh kita bantu.*”, makna konteks yang disampaikan oleh penutur ialah semakin banyak guru membayar zakat maka semakin banyak pelajar yang dapat dibantu. Ayat kedua, “*Macam tahun lepas, kita sudah dapat 10000 ringgit untuk pelajar.*” bermaksud, terdapat RM10000 kutipan pada tahun terdahulu. Ayat ketiga, “*So, kalau kamu bayar zakat sekarang kamu juga membantu pelajar.*” bermaksud, sekiranya guru membayar zakat dengan segera, maka seseorang guru itu secara langsung dapat membantu pelajar. Ayat keempat “*So, sama-sama la kita buat kebaikan.*” bermaksud, guru-guru diseru untuk membayar zakat sebagai satu ibadah.

Terdapat dua ungkapan *so* dalam rangkaian tuturan penutur dalam Jadual 5 yakni dalam ayat ketiga dan ayat keempat. Dalam ayat ketiga, pengungkapan *so* dalam “*So, kalau kamu bayar*” diujar untuk menyambung bahasan tentang perihal zakat yang diperkatakan dalam ayat terdahulu, yakni ayat kedua. Hal ini memperlihatkan bahawa penutur masih dalam skop isu yang sama dan ujarannya itu adalah satu huraian kepada ayat terdahulu. Peranan *so* sebagai pemula ayat huraian ayat terdahulu ini diperkukuh lagi dengan pengungkapannya dalam ayat keempat yakni “*So, sama-sama...*” yang dituturkan sebagai huraian tambahan ayat sebelumnya. Berhubung dengan itu, peranan jenis ini diperkukuh menerusi pernyataan Syamimi Turiman (2020) yang menerangkan bahawa *so* digunakan untuk memberi maklumat tambahan kepada ayat topik atau isu percakapan yang telah dinyatakan pada awal situasi bahasa. Penggunaan *so* sebagai pemula huraian adalah satu unsur linguistik yang ditanggapi atau difahami secara langsung oleh pendengar bahawa penuturnya dalam proses menyampaikan maklumat tambahan.

Deiksis *So* untuk Mengemukakan Maklumat Baharu

Jadual 7

Konteks So sebagai Penanda Maklumat Baharu

DMS	BM
Analisis item kita buat selepas ujian dilaksanakan. So , guru-guru boleh guna apa-apa format untuk menentukan kesahan item-item yang digunakan. Tapi kalau buat sendiri memerlukan masa yang agak lama. So , saya cadangkan guru boleh buat bersama pelajar supaya cepat sikit la.	Analisis item kita lakukan selepas ujian dilaksanakan. Oleh itu , guru-guru boleh menggunakan apa-apa format untuk menentukan kesahan item-item yang digunakan. Tetapi, prosesnya mengambil masa yang panjang sekiranya guru melakukannya secara sendiri. Oleh itu , saya cadangkan guru melakukan analisis item bersama pelajar agar lebih cepat.

Dalam Jadual 7, terdapat empat ayat yang diujarkan oleh penutur. Ayat pertama, “*Analisis item kita buat selepas ujian dilaksanakan.*” bermaksud guru-guru perlu melakukan analisis item terhadap jawapan murid dalam ujian yang dijalankan usai ujian itu dijalankan. Ayat kedua, “*So, guru-guru boleh guna apa-apa format untuk menentukan kesahan item-item yang digunakan.*” bermaksud tidak ada format khas yang wajib dituruti oleh guru untuk menganalisis item. Justeru, guru bebas untuk menggunakan format analisis item mengikut keperluan. Ayat ketiga, “*Tapi kalau buat sendiri memerlukan masa yang agak lama.*” Bermaksud proses analisis item mengambil masa yang lama untuk diselesaikan jika guru melakukan sendiri analisis kesahan item berkenaan. Ayat keempat, “*So, saya cadangkan guru boleh buat bersama pelajar supaya cepat sikit la.*” Bermaksud guru-guru disaran melakukan analisis item bersama pelajar untuk mempercepat proses analisis kesahan ujian.

Ayat yang memperlihatkan penggunaan alih kod *so* adalah ayat kedua yakni “*So, guru-guru boleh guna apa-apa format*”. Dalam ayat itu, *so* diguna untuk mengemukakan maklumat baharu. Sebagaimana ayat pertama yang memperkatakan pelaksanaan analisis item perlu dilakukan oleh guru-guru, maka ayat kedua ini diujar dengan kata pemula *so* untuk tujuan mengemukakan maklumat baharu bagi perihal yang disebut sebelumnya yakni analisis item. Pengujaran ayat penyata

yakni “...*guru boleh guna apa-apa format...*” selepas penanda *so* diungkap untuk memperkukuh peranan deiksis ini sebagai pengemuka maklumat baharu dalam percakapan. Hal dikatakan sedemikian kerana jenis ayat yang dikemukakan itu merupakan ayat penyata dan sememangnya ayat jenis ini ialah ayat yang lazim, wajar dan tepat untuk diutarakan apabila penutur ingin menyampaikan maklumat baharu. Tuntasnya, pengungkapan deiksis *so* sebagai pemula ujaran itu bertepatan dengan peranannya unsur ‘penanda’ maklumat baharu dalam percakapan.

Sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam ayat keempat “*So, saya cadangkan guru boleh buat bersama pelajar...*”, penanda *so* diungkap untuk merealisasikan peranannya sebagai penambah maklumat. Jenis ayat tersebut ialah ayat perintah. Memang ada kalanya penutur akan menambah maklumat dalam percakapan dengan mengujarkan ayat perintah sebagai maklumat baharu tentang isu yang perihai yang dibincangkan. Dalam situasi bahasa mesyuarat guru-guru, maka sememangnya terdapat stratifikasi sosial, yakni guru akademik biasa dan pentadbir sekolah antaranya pengetua, Penolong Kanan Kurikulum (PK1), Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) dan Penolong Kanan Kokurikulum (PK KOKUM). Justeru, pengujaran ayat perintah untuk menyampaikan maklumat baharu sememangnya satu kebiasaan dalam konteks itu. Buktinya, ayat keempat yang berupa ayat perintah itu diujar oleh penutur yang merupakan salah seorang pentadbir sekolah untuk menyampaikan maklumat baharu kepada guru-guru akademik biasa yang hadir dalam peristiwa bahasa itu.

PERBINCANGAN

Umum memang diketahui bahawa perolehan dan perkembangan bahasa seseorang penutur bermula di rumah, yakni menerusi interaksi lisan dengan ibu bapa. Kemudiannya, seseorang penutur melalui fasa-fasa peningkatan keupayaan berbahasa menerusi pendidikan bahasa yang berfasa yakni bukan sahaja daripada ahli keluarga, tetapi juga pendidikan daripada institusi formal. Pada fasa itulah yang dikatakan bahawa pendedahan sebenarnya seseorang penutur bahasa terhadap pelbagai ragam bahasa yang tidak diketahui atau tidak didedahkan sebelumnya. Sejajar itu, penggunaan penanda *so* menjadi kebiasaan penutur bukan sahaja dalam situasi tidak rasmi, malahan dalam situasi rasmi. Sebagaimana yang dibuktikan dalam analisis kajian, ungkapan

so sebenarnya merupakan perkataan memiliki peranan sama dengan penanda wacana ‘oleh itu’, ‘justeru itu’, ‘maka’ dan ‘jadi’ dalam BM. Namun, komunikasi guru SMKS dalam lima sesi mesyuarat yang ditinjau menunjukkan bahawa alih kod ‘oleh itu’ kepada *so* diujar oleh beberapa orang guru dalam peristiwa bahasa bersifat rasmi. Meskipun ungkapan ‘oleh itu’ diungkap dalam bentuk alih kod iaitu *so*, namun peranannya tidak lari daripada fungsinya sebagai penanda wacana dalam ujaran. Sebagaimana yang dikemukakan dalam teori deiksis wacana oleh Huang (2015), ungkapan penanda wacana sedemikian penting dalam menonjolkan unsur-unsur ujaran ‘semasa’, ‘sebelum’ dan ‘selepasnya’. Hal tersebut jelas dibuktikan menerusi lima peranan deiksis *so* yang diperincikan dalam analisis data.

Umum disadari bahawa BI merupakan bahasa asing yang diguna oleh sesebuah komuniti dari suatu negara apabila berhubung dengan komuniti dari negara lain. Peranan BI sebagai bahasa perhubungan di peringkat antarabangsa membawa kepada wujudnya tanggapan masyarakat terhadap bahasa ini sebagai satu bahasa berprestij tinggi (Noriah Mohamed, 1998). Penutur DMS biasa menggunakan penanda wacana *so* dalam mesyuarat guru SMKS. Hal itu sejajar dengan pernyataan Indirawati Zahid (2007) menjelaskan bahawa amalan peralihan kod berpunca daripada pengaruh pendidikan bahasa yang diperoleh sejak awal usia daripada ibu bapa, penjaga ataupun persekitaran bahasa mereka. Meskipun peralihan kod dalam berbahasa berlaku pada semua peringkat bahasa, kadar peralihan yang berlaku ini berbeza antara satu komponen dengan satu komponen yang lain dalam bahasa meliputi fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Namun, komponen semantik dapat dikatakan sebagai komponen yang agak ‘selamat’ daripada proses peralihan kerana kemungkinan makna yang digunakan itu ‘tidak betul’ oleh sebab impak bahasa natif amat kecil kemungkinannya untuk berlaku. Berbanding komponen fonologi, bidang ini terbuka kepada peralihan bahasa yang luas ekoran dalam proses pembelajaran bahasa kedua, sistem fon dalam bahasa misalnya bunyi-bunyi vokal, konsonan dan diftong. Oleh yang demikian, masukan penanda wacana *so* tidaklah menghairankan dalam tuturan masyarakat di Sabah dalam konteks tuturan mesyuarat SMKS itu.

Penggunaan penanda wacana *so* dalam kalangan guru SMK untuk menggantikan ungkapan ‘oleh itu’ memang tidak mempunyai sebarang kelainan dari aspek peranannya dalam BM. Pengungkapannya yang

berlaku tanpa sedar dalam interaksi bahasa sudah menjadi kebiasaan dan tidak mewujudkan sebarang kejanggalan dalam kalangan peserta bahasa. Fenomena ini sememangnya satu tabiat yang sukar dielakkan oleh penutur yang mampu menuturkan lebih daripada satu bahasa. Walau demikian, perlu ditegaskan bahawa peminjaman kata asing berlaku kerana suatu bahasa yang dituturkan tidak memiliki kata yang tepat untuk menyampaikan makna tertentu. Tetapi, penggunaan *so* sebagai item alih kod ini sedikit berbeza kerana ia sememangnya mempunyai kata terjemahannya dalam BM yakni ‘oleh itu’, ‘maka’, ‘justeru itu’ dan ‘jadi’. Namun, penggunaan alih kod *so* daripada kata ‘oleh itu’ sejak sekian lama telah membawa kepada satu kebiasaan dalam percakapan pengguna bahasa sehingga hari ini. Hal ini berhubungan dengan pernyataan Monaliza Sarbini-Zin et al. (2012) bahasa ragam berbahasa manusia sentiasa mengalami perubahan misalnya dari aspek kosa kata.

Penggunaan deiksis sedemikian memperlihatkan secara langsung pertembungan dua bahasa yang mendorong kepada peralihan kod dalam interaksi. Berkait itu, Noriah Mohamed (1998) menjelaskan bahawa faktor prestij bahasa adalah antara faktor sosiobudaya yang mendorong peminjaman kata. Bahasa berprestij rendah dikatakan cenderung meminjam kata daripada bahasa yang berprestij tinggi. Sebenarnya, faktor ini dapat dikesan jelas dalam konteks peminjaman kata BI ketika seseorang penutur menuturkan BM. Misalan ini sememangnya berlaku dalam pertuturan penutur BM dan realitinya, memasukkan kata-kata asing sedemikian semakin meluas pada masa kini. Hal demikian jelas terlihat dalam interaksi guru-guru SMKS misalnya pengungkapan deiksis *so* yang telah diperincikan dalam analisis kajian. Di samping itu, tujuan utama peminjaman kata adalah untuk mengisi kekosongan atau ketiadaan kosa kata dalam bahasa yang sedang dituturkan. Perihal ini biasanya berlaku terutama bahasa yang mencipta laras ilmu baru dan memerlukan kosa kata khas untuk penamaan benda dan konsep baru bagi laras ilmu berkenaan. Faktor sosiobudaya turut berperanan misalnya untuk menunjukkan prestij kerana membaurkan antara kata BM dengan BI menyebabkan wujudnya alih kod dalam interaksi. Dalam konteks ini aspek prestij itu ditunjukkan sebagai individu berpelajaran mendorong kepada penggunaan deiksis *so*. Selain itu, percampuran kod dalam pertuturan turut disumbang oleh faktor politik. Suasana politik misalnya peperangan, migrasi dan penaklukan dikatakan memberi pengaruh kepada amalan berbahasa melibatkan penerapan kata asing dalam percakapan.

Sebenarnya, peranan ungkapan *so* yang telah dikemukakan dalam tulisan ini mempunyai kemiripan dengan peranan penggunaan kata penghubung yang diuraikan oleh Idris Aman (2010). Menurut beliau, kata penghubung diguna untuk tujuan mempertalikan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur terdahulu. Tambahnya lagi, penanda wacana ini terangkum dalam kategori penghubung musabab (*causal*) yakni diguna untuk menjelaskan sebab-sebab sesuatu perkara, kejadian dan sebagainya. ungkapan lain yang berperanan sama seperti item alih kod ini ialah ‘oleh hal demikian’, ‘kesannya’ dan ‘akibatnya’. Dalam BI pula, terdapat beberapa kata lain yang boleh diguna untuk menjalankan fungsi penanda wacana *so*, yakni *then, consequently, for this reason, in this respect, as a result* dan *under the circumstances* (Idris Aman, 2010). Namun ungkapan-ungkapan itu didapati jarang diguna dan tidak menjadi pilihan sebagai item alih kod untuk menggantikan kata ‘oleh itu’ dan penanda wacana berkaitan. Hanya penanda wacana *so* sahaja yang didapati penggunaannya menonjol dan meluas sebagai item bahasa dalam fenomena alih kod. Dirumuskan, ungkapan-ungkapan yang disebutkan itu membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan.

Perlu ditegaskan, guru-guru SMKS yang terdiri daripada pelbagai suku dan boleh menuturkan dua atau tiga bahasa menyebabkan pertembungan bahasa yang mendorong kepada fenomena alih kod dalam pertuturan. Sebenarnya, setiap individu memang tidak akan terlepas daripada adanya tanggapan tinggi terhadap bahasa asing terutama BI yang akhirnya menyebabkan proses alih kod tanpa sedar dalam pertuturan. Tambahan pula, bahasa disifatkan sebagai satu medium pertuturan yang ‘hidup’, dinamik dan tentulah berubah dari semasa ke semasa (Radina Mohamad Deli et al., 2012). Seperkara, analisis yang dilakukan mengenai peranan kata *so* turut membuktikan bahawa ungkapan ini merupakan ungkapan deiksis yang berperanan penting sebagaimana fungsi pengungkapan deiksis yang dinyatakan oleh Huang (2015) yakni diujar untuk ‘menanda’ atau ‘menunjuk’ suatu inti atau perkara yang dimaksudkan dalam tuturan. Sebagai tuntas bahasan mengenai pengungkapan *so* sebagai item alih kod, maka dirumus fungsi-fungsi deiksis *so*, yakni diungkap untuk tujuan merumus, menyambung topik sebelumnya, penanda urutan atau hubungan dan mengemukakan huraian untuk menjelaskan pernyataan terdahulu dan mengemukakan maklumat baharu. Dapatan ini menyokong hasil dapatan Syamimi Turiman (2020) yang menyatakan

bahawa setiap teks perlu memiliki penanda wacana yang jelas dan berperanan untuk menerangkan inti setiap ayat.

Seperkara, pengucapan kata asing dalam percakapan penutur BM adalah satu fenomena yang berhubung rapat dengan pernyataan Shaharir Mohamad Zain (2022) yang menyatakan bahawa tabii berbahasa yang tidak seharusnya diamalkan menunjukkan penguasaan bahasa yang rendah dalam selain menjadi sebab kerosakan bahasa. Tambahnya lagi, amalan berbahasa Melayu menurut norma yang seharusnya perlu disedari dan pengembalian sifat-sifat bahasa Melayu yang asal hendaklah dimartabatkan dalam setiap percakapan. Modus berbahasa itu berhubungan dengan ulasan Rozita Che Rodi (2022) iaitu pengekal sifat dan identiti kemelayuan dalam pertuturan penting untuk memajukan kehidupan yang lebih terarah beracukan budaya pertuturan BM yang asli dan tepat.

KESIMPULAN

Disimpulkan, sememangnya BM dalam hal perkembangannya tidak terlepas daripada menerima pengaruh budaya dan bahasa lain. Hal ini diperkukuh menerusi kenyataan Noriah Mohamed (1998) yang menyatakan bahawa bahasa merupakan satu medium perhubungan yang dianggap 'hidup'. Justeru itu, tentulah suatu bahasa itu sentiasa mengalami perubahan seiring waktu dan ruang tempat bahasa itu dituturkan. Penggunaan alih kod *so* berperanan penting untuk menjadi unsur pertautan antara satu ayat dan satu ayat yang lain dalam suatu tuturan. Hal ini bermaksud deiksis *so* berperanan dalam hal membina wacana yang berpautan dan berkesatuan. Tanpa penanda wacana yang tepat seperti deiksis ini, maka sudah tentu suatu wacana tidak akan berdiri atau terbina dengan utuh. Namun, perlu disedari bersama bahawa unsur peralihan kod dalam percakapan sememangnya satu fenomena yang membawa cerminan bahawa bahasa dominan seseorang penutur itu kurang dimartabatkan dalam pertuturan. Sesungguhnya, tanggungjawab menjaga prestij bahasa rasmi seperti bahasa Melayu merupakan tugas bersama yang sepatutnya dipikul oleh setiap individu dalam konteks komuniti bahasa itu. Maka, proses meminimumkan alih kod dalam pertuturan seharusnya dititikberatkan dalam situasi bahasa sebagai salah satu pendekatan untuk menjaga prestij dan martabat bahasa itu.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas kelulusan pelaksanaan kajian ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpangan, Beluran, Sabah sebagaimana surat kelulusan bernombor KPM.600-3/2/3-eras(13139). Di samping itu, penulis juga ingin mengemukakan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh dua-dua penulis makalah.
ke

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ariffin, K., & Rafik-Galea, S. (2009). Code-switching as a communication device in conversation. *Language & Society Newsletter*, 5(9), 1-19.
- Asmah Hj. Omar. (2004). *Penyelidikan, pemupukan dan pengajaran bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Cahyani, H., Courcy, M., & Barnett. (2018). Teachers' code-switching in bilingual classrooms: exploring pedagogical and sociocultural functions. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 21(4), 465-479. <https://doi.org/10.1080/13670050.2016.1189509>.
- Farah Syuhada Roslan, Noorzaina Idris & Jelani Sulaiman. (2023). Effectiveness of using code-switching and the perceptions of teachers in practicing codeswitching in English classrooms in SMK USJ 23, Selangor. *al-Sirat*, 1(23), 64-74.
- Fuzirah Hashim & Ahmad Aminuddin Soopar. (2022). Bahasa komunikasi atas talian dalam suasana akademik. *Gema Online® Journal of Language Studies*, 22(4), 261-278. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-15>.
- Hazlina Abdul Halim (2012). Pengaruh bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam strategi penukaran kod bahasa Perancis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 693-709.
- Huang, Yan. (2015). *Pragmatik*. (Terj) Puteri Roslina Abdul Wahid. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Indirawati Zahid. (2007). Aspek prosodi dalam berbahasa penutur bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*, 7(1), 22-40.
- Jariah Mohd Jan. (2006). Let me finish: Language and power interplay in public discussion. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*, 3, 378-405.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Cetakan Kedua. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang C. H. (2006). Signs of becoming bilingual: A study of a Malaysian child under two. In M. K. David (Ed.), *Language choices and discourse of Malaysian families: Case studies of families in Kuala Lumpur* (pp. 76-100). Strategic Information and Research Development Centre.
- Md Sidin Ahmad Ishak & Mohd Salleh Rahamad. (1998). *Strategi bahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mimi Suhana Hakim, Nur Afiqah Ahmad Raof, & Sa'adiyah Ma'alip. (2021). Percampuran kod dalam kalangan peniaga dalam talian di instagram. *Jurnal Melayu*, Isu khas, 579-601.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda wacana dalam teks Melayu lama berunsur sejarah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 243-258.
- Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. (2020). Variasi linguistik di greater kl. *Gema Online Journal of Language Studies*, 20(2), 83-95. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-05>.

- Monaliza Sarbini-Zin, Rosnah Mustafa, Haikal H. Zin & Radina Mohamad Deli. (2012). 'Lang' kah 'pintu'? perubahan leksikal masyarakat Melayu Sarawak dewasa ini. *Issues in Language Studies*, 1(2), 33-37.
- Muthusamy, P. (2009). Communicative functions and reasons for code switching: A Malaysian perspective. *Language & Society*, 5(6), 1-16.
- Muthusamy, P. (2017). Komunikasi percampuran kod dalam masyarakat. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 36-48.
- Nor Diyana Saupi & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Penanda wacana adapun dalam manuskrip Taj al-Salatin. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 1-20. [http://doi.org/10.37052/jb.20\(1\)no1](http://doi.org/10.37052/jb.20(1)no1).
- Noraisah Masri & Ernawita Atan. (2022). Percampuran kod masyarakat melayu bilingual dalam aplikasi whatsapp. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 9(2), 111-122.
- Norhuda Salleh, Romlah Ramli, Noor Syakirah Zakaria, & Ahmad Faisal Mohamed Fiah. (2022). Code-switching among the indigenous people of Sarawak. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 7(29), 448-465. <http://doi.org/10.35631/ijlgc.729032>.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik bahasa Melayu lama di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nur Iylia Mohd Noor Be, Muhammad Anas Zakwan Sabri, Atif Che Adnan & Nor Aisyah Ahmad. (2022). The impact of code switching in starbucks service encounters. *International Journal of Social Science Research*, 4(2), 161-169.
- Othman Ismail, Adlin Nadhirah Mohd Roslan, & Malissa Maria Mahmud. (2021). The occurrence of code-switching among Malaysian undergraduates on whatsapp: review of the literature. *European Journal of English Language Teaching*, 6(5), 23-38. <http://doi.org/10.46827/ejel.v6i5.3848>.
- Paramasivam Muthusamy, Rajantheran Muniandy, Sillalee. S. Kandasamy, Omrah Hassan @Hussin, Manimaran Subramaniam & Atieh Farashaiyan. (2020). Factors of Code-Switching among Bilingual International Students in Malaysia. *International Journal of Higher Education*, 9(4), 332-338. <https://doi.org/10.5430/ijhe.v9n4p332>.
- Radina Mohamad Deli, Rosnah Mustafa & Monaliza Sarbini-Zin. (2012). Word familiarity and lexical change: The case of Sarawak Malay Dialect. *Issues in Language Studies*, 1(2), 17-23. <https://doi.org/10.33736/ils.1690.2012>.

- Rasyiqah Batrisya Md Zolkapli, Hairul Azhar Mohamad, Muhammad Luthfi Mohaini, Nadiah Hanim Abdul Wahab & Pavithran Ravintra Nath. (2022). Code-switching and code-mixing in the practice of judgement writing in malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(3), 1365-1382. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.23>.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157-180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Shaharir Mohamad Zain. (2022). Beberapa isu pemperibumian linguistik bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 1-49. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Siti Hamin Stapa & Nurul Nadiah Begum Sahabudin Khan. (2016). Functions of Code-Switching: A Case Study of a Mixed Malay Chinese Family in the Home Domain. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 24(3), 181-194.
- Song, J. (2019). Language socialization and code-switching: a case study of a Korean-English bilingual child in a Korean translational family. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 22(2), 91-106. <https://doi.org/10.1080/13670050.2016.1231165>.
- Syamimi Turiman. (2020). The use of discourse marker ‘so’ in the Malaysian ESL job interviews. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 14-24. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4212>.
- Xiaofang, Q. (2017). Pedagogic and social functions of university EFL teachers classroom codeswitching. *International Journal of Language and Linguistics*, 5(6), 179. <https://doi.org/10.11648/j.ijll.20170506.13>.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Bahasa kebangsaan dalam masyarakat multibahasa: Amalan di Malaysia. Dlm. Karim, N. S (Peny.), *Perancangan bahasa: Ideologi bahasa Melayu* (hlm. 117). Dewan Bahasa dan Pustaka.